

05/05/2002

Semangat ahli Umno tanda mandat baru

BENTONG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan semangat dan sokongan yang semakin tinggi ahli Umno kebelakangan ini sebagai satu kebangkitan mandat baru rakyat kepada Umno untuk terus menunjangi pemerintahan negara.

Timbalan Presiden Umno yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata, berbeza kira-kira dua tahun lalu, keazaman meluap-luap itu satu petanda baik kepada masa depan parti, khususnya meneruskan agenda perjuangan orang Melayu.

"Saya pergi banyak tempat persidangan perwakilan Umno dan saya lihat suasana lebih ceria, bersemangat dan berkeazaman tinggi.

"Kalau dulu, pada 1999 dan 2000, suasana (persidangan) lembab, suram dan muram saja, tapi hari ini (suasana itu) sudah tak ada lagi.

"Dulu kita hadapi masalah ekonomi dan masalah dalaman parti yang menggugat prestasi parti pada pilihan raya umum 1999, tapi kini melalui kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad), kita berjaya melalui keadaan getir ini dan parti juga sudah jadi stabil serta kukuh," katanya merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Bentong, di Dewan Ahmad Shah, Majlis Perbandaran Bentong, di sini semalam.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob yang juga Ketua Umno bahagian itu.

Abdullah berkata, pada satu masa ketika Umno menghadapi krisis dalaman, ada ahli Umno yang malu dan tidak bersemangat untuk mengibarkan bandera parti.

Bagaimanapun, kata Abdullah, pada satu persidangan bahagian Umno baru-baru ini, beliau disambut telah lebih 5,000 ahli dan penyokong parti.

"Ini jelas menunjukkan Umno dan orang Melayu berjaya membuktikan jika ia menyentuh agenda perjuangan dan cita-cita bangsa, kita boleh bersatu dan bangkit semula.

"Bila parti kuat, jentera pilihan raya jadi kuat. Ini yang paling menggembirakan saya kerana kita mahu mendapatkan mandat rakyat yang lebih besar lagi untuk terus memerintah dan membangunkan negara ini," katanya.

Beliau turut melahirkan syukurnya kerana perpaduan itu bukan terbit di kalangan ahli Umno sahaja tapi membabitkan sokongan kakitangan kerajaan.

Abdullah berkata, pegawai kerajaan khususnya kini turut membantu melaksanakan program pembangunan rakyat terutama projek kecil di kawasan luar bandar.

Katanya, wujudnya persefahaman yang baik itu penting supaya agenda perjuangan politik dapat diterjemahkan kepada masyarakat pengundi yang memberi mandat kepada pemerintah.

Beliau berkata, bukannya mudah untuk mengurus parti sebesar Umno dan ia boleh dilakukan jika semua ahli dan pemimpinnya akur dengan tanggungjawab masing-masing.

Justeru, katanya, dalam mesyuarat perwakilan di peringkat cawangan, bahagian dan kebangsaan, semua anggota dan pemimpin parti berjaya mengikut peraturan yang ditetapkan tanpa menimbulkan sebarang masalah.

Katanya, bagi melicinkan perjalanan parti, sesama pemimpin parti saling membahagikan tugas dan tanggungjawabnya melalui pendekatan yang bijaksana.

"Sebagai contoh, dalam Jawatankuasa Pengurusan Umno yang saya ketuai, kita mengagihkan tugas tertentu kepada tiga naib presiden.

"Misalnya, Datuk Seri Najib Razak sebagai bertanggungjawab dalam hal membabitkan keahlian, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin dalam perlembagaan

parti dan Tan Sri Muhammad Muhd Taib menumpukan kepada pilihan raya kecil dan kawasan yang bermasalah," katanya.

(END)